

FAKTOR-FAKTOR YANG MEMPENGARUHI NIAT UNTUK MELAKUKAN RASUAH DI KALANGAN PENJAWAT AWAM PIHAK BERKUASA TEMPATAN

*Enida Daud¹, Low Hock Heng¹, Ahmad Muhyuddin Hassan²

¹Azman Hashim International Business School, Universiti Teknologi Malaysia, Johor Bahru Malaysia

²Islamic Civilization Academy, Universiti Teknologi Malaysia, Johor Bahru, Malaysia

*Corresponding author's email: enida4@yahoo.com

Submission date: 15 Jan 2019

Accepted date: 30 April 2019

Published date: 10 May 2019

Abstract

This study is an attempt to examine the factors that influence the intention to commit corruption among public servants of the Local Authority in Johor. The public servants of Local Authority in Johor were selected as the unit analysis and the research instrument used were questionnaires. Data was analysed by using descriptive analysis Confirmatory Analysis Factor (CFA) and *Structural Equation Modeling (SEM)*. The results of the descriptive analysis and the CFA found the intention to commit corruption was influenced by internal factors and external factors. The internal factors include neglecting religious values and demands, selfish attitudes, luxury lifestyle demands beyond their ability and greed. The identified external factors refer to the influence of family and colleagues, opportunities and spaces, unclear systems and procedures, social factors and modernization factors. The results of the hypothesis test found that internal factors and external factors have a significant influence on the intention to commit corruption.

Keywords: Corruption, Intention to Corrupt, Internal Factor, External Factor, Local Authorities.

Kajian ini merupakan satu usaha mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi niat untuk melakukan rasuah di kalangan penjawat awam Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Penjawat awam di PBT Johor dijadikan unit analisis kajian dan instrumen kajian menggunakan borang soalselidik. Data di analisis menggunakan analisa deskriptif, *Confirmatory Analysis Factor (CFA)* dan *Structural Equation Modeling (SEM)*. Hasil analisa deskriptif dan CFA mendapati niat untuk melakukan rasuah dipengaruhi oleh faktor dalaman dan faktor luaran. Faktor dalaman adalah merangkumi sikap mengabaikan nilai dan tuntutan agama, sikap pentingkan diri, sikap inginkan gaya hidup mewah melebihi kemampuan dan sikap tamak. Faktor luaran yang dikenalpasti adalah pengaruh keluarga dan rakan sekerja, peluang, prosedur kerja tidak jelas, pengaruh sosial dan faktor modenisasi. Keputusan ujian hipotesis mendapati bahawa faktor dalaman dan luaran berpengaruh signifikan terhadap niat untuk melakukan rasuah.

Kata kunci: Rasuah, niat untuk melakukan rasuah, faktor dalaman, faktor luaran, Pihak Berkuasa Tempatan

1.0 PENGENALAN

Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) merupakan Kerajaan Peringkat Ketiga yang memberikan perkhidmatan terus kepada rakyat. Namun begitu dalam memberikan perkhidmatan kepada rakyat, PBT seringkali dikaitkan dengan gejala rasuah. Penglibatan kakitangan PBT dengan amalan rasuah kerap kali diperkatakan kerana kedudukannya paling hampir dengan rakyat (SUK Johor, 2003). Berdasarkan kaji selidik Pertubuhan Anti Rasuah, *Transparency International* (TI) Malaysia mendapati bahawa PBT adalah antara agensi paling terdedah kepada amalan rasuah, salahguna kuasa dan penyelewengan di negara ini (Mohd Koharuddin, et.al, (2012). Menurut SPRM (2014), perkhidmatan tidak efisien dan lambat boleh menjadi punca gejala rasuah di kalangan penjawat awam di PBT.

Dalam konteks PBT data perangkaan SPRM dari tahun 2009 hingga 2012 adalah seperti di Jadual 1 :

Jadual 1. Perangkaan SPRM terhadap PBT

	Maklumat aduan	Kertas Siasatan	Tangkapan	Tuduh
Dewan Bandaraya (DBKL)	95	14	9	3
Majlis Bandaraya	132	10	3	1
Majlis Perbandaran	397	27	13	7
Majlis Daerah	434	39	8	4
Jumlah	1,058	90	33	15

Sumber : SPRM (2013)

Statistik di atas menunjukkan bahawa masih terdapat segelintir penjawat awam di PBT yang melibatkan diri dengan aktiviti rasuah. Ini mungkin kerana kedudukannya yang hampir dengan masyarakat dalam memberikan perkhidmatan telah membuka peluang berlakunya rasuah (Mohamad Tayib, 2004). Data di atas juga menunjukkan bahawa maklumat berkaitan penglibatan rasuah di kalangan kakitangan PBT di seluruh Malaysia adalah sebanyak 1,058. Namun begitu jumlah yang dituduh hanya 15 orang iaitu 1.4% daripada keseluruhan maklumat/aduan yang diterima oleh SPRM. Data terkini yang diperolehi daripada pengkalan data pesalah rasuah tahun 2016 hingga 2018 menunjukkan terdapat lima penjawat awam di PBT yang telah dijatuhi hukuman atas kesalahan rasuah. Penglibatan sebahagian warga PBT ini dengan gejala rasuah telah memberikan persepsi buruk kepada keseluruhan pentadbiran PBT. Walaupun hanya sebilangan sahaja penjawat awam di PBT yang terlibat dengan rasuah tetapi ianya akan menyebabkan tahap kepercayaan terhadap perkhidmatan awam secara keseluruhannya terjejas (Anis Yusal et al., 2014).

Memang tidak boleh dinafikan bahawa rasuah merupakan antara masalah yang sedang dihadapi oleh PBT di Malaysia. Ini disokong melalui kenyataan media SPRM tahun 2012 hingga 2018 tentang rasuah di PBT antaranya “Penolong Jurutera Awam DBKL Dituduh Terima Rasuah RM56,240”, “Bekas Penguatkuasa MP Kajang Didakwa Terima Suapan RM2,000 dan Telefon Bimbit”, “Bekas Penolong Pengarah MPSJ Dituduh 15 Kesalahan Tuntutan Palsu”, “Pengaroh Eksekutif Pengurusan Projek DBKL Didakwa Rasuah Libatkan Aset RM4.4 Juta”, “Pembantu Penguatkuasa MPSP Didakwa Terima Rasuah”, “Bekas YDP Selayang Dipenjara 3 Tahun, Denda RM132,500” dan “Penguatkuasa Wanita MPJBT Di Penjara 1 Tahun dan Denda RM10,000 kerana Menerima Rasuah”. Kenyataan ini juga menjadi antara tajuk-tajuk utama akhbar tempatan dan merupakan fenomena tidak asing sejak kebelakangan ini. Ini memberi gambaran bahawa penglibatan penjawat awam di PBT dengan rasuah masih lagi berlaku. Dengan merujuk kepada permasalahan di atas, penyelidik merasakan bahawa perlunya satu kajian dilakukan bagi mengenalpasti punca berlakunya senario ini supaya tindakan pencegahan dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan. Oleh

itu kajian ini dilakukan dengan mempunyai objektif untuk mengenalpasti faktor dalaman dan luaran yang mempengaruhi niat untuk melakukan rasuah di kalangan penjawat awam Pihak Berkuasa Tempatan.

2.0 KAJIAN LITERATUR

2.1 Niat Untuk Melakukan Rasuah

Niat adalah suatu keinginan atau kehendak yang diikuti oleh tindakan atau tingkahlaku. Niat juga merupakan motivasi untuk melaksanakan sesuatu tingkahlaku (Maizatul Haizan dan Wan Idros, 2014). Mengikut pandangan Normala (2009) pula niat adalah maksud atau keinginan kuat dalam hati untuk melakukan sesuatu. Menurut beliau lagi dalam terminologi syarak niat bererti keinginan melakukan ketaatan kepada Allah dengan melaksanakan perbuatan atau meninggalkannya. Oleh itu setiap perbuatan mestilah dimulakan dengan niat sebagaimana sabda Rasulullah yang bermaksud:

“Sesungguhnya segala amal itu hendaklah dengan niat”
(Riwayat al-Bukhari dan Muslim)

Menurut Haron Din (2010), niat merupakan satu kemahuan diri sendiri tanpa ada paksaan. Menurut Islam, setiap kerja yang diredhai oleh Allah yang disertai dengan niat adalah satu ibadah. Kenyataan ini seiring dengan pandangan Mufti Selangor (2000) yang menyatakan bahawa setiap insan hendaklah menyedari dan menghayati bahawa setiap tingkahlaku dan pekerjaan yang dilakukan sekiranya di mulakan dengan niat adalah merupakan satu ibadah. Setiap perbuatan yang dilakukan sama ada sedar atau tidak semuanya bermula dengan niat. Daripada Umar bin Al - Khatab, Rasulullah pernah bersabda, yang bermaksud, *amalan itu mesti ada niat, dan bahawasanya bagi setiap orang adalah apa yang diniatkannya* (Syed Ahmad, 1994). Syed Ahmad (1994) juga telah menegaskan, niat yang baik adalah asas bagi setiap amalan kepada Allah, sebab amalan tanpa niat yang baik, tidak akan diterima oleh Allah. Manakala amalan dengan niat yang jahat akan dimurkai oleh Allah. Itulah pokok lintasan hati yang terbit daripadanya segala tingkahlaku manusia.

Al-Ghazali (1990) menekankan bahawa aspek niat di dalam hati merupakan tempat permulaan perkiraan amalan manusia dan penentuan amalan itu diterima atau sebaliknya. Melalui niat yang baik dan tulus, segala sogokan rasuah tidak dapat mengaburi individu untuk melakukan rasuah (Nur Syakiran Akmal dan Md Zawawi, 2004). Syed Ahmad (1994) menyatakan dalam menerangkan maksud niat yang baik, tingkahlaku dan sifat seseorang akan melambangkan amalannya terhadap Tuhan ataupun hubungan sesama manusia dan juga terhadap diri sendiri sebagai contoh, jika kita berniat mencari rezeki yang halal, nescaya kita tidak akan terjerumus ke dalam sumber rezeki yang haram seperti rasuah. Apabila kita merancang sesuatu untuk dilakukan pada hari tersebut, maka ianya merupakan niat. Cuma, sama ada kita tercapai apa yang diniatkan bergantung kepada tindakan kita. Kita akan melakukan sesuatu sekiranya gerak hati kita memerintah agar berbuat demikian walaupun dalam keadaan terpaksa. Secara jelasnya, niat ataupun gerak hati adalah pendorong utama dalam kita melakukan sebarang tindakan khususnya dalam pekerjaan seharian.

Pandangan ini disokong oleh Fadillah (2015) yang menyatakan bahawa niat adalah kesungguhan seseorang untuk melakukan perbuatan atau memunculkan sesuatu tingkahlaku tertentu. Sehubungan dengan itu, menurut Ali (1988) bahawa nilai pekerjaan dalam Etika Kerja Islam berasal dari niat yang terdapat dalam hati bukan dari hasil pekerjaan. Justeru sebelum memulakan niat, seseorang itu perlu menilai apakah niat dan pekerjaan yang hendak dilakukan itu mendorong kepada perbuatan negatif atau positif. Oleh itu pemahaman tentang niat seseorang untuk melakukan rasuah boleh membantu dalam melihat kecenderungan seseorang untuk bertindak terhadap tingkahlaku rasuah. Menurut Nihayatur Rohmah (2014) perlakuan

rasuah akan terjadi ketika adanya niat oleh pelaku dan kemudian ada kesempatan serta kemampuan untuk melakukannya.

Dalam membincangkan tentang hubungan antara niat dan tingkahlaku, terdapat beberapa teori yang dibangunkan oleh sarjana Barat seiring dengan pandangan Islam iaitu tentang wujudnya niat sebelum sesuatu tingkahlaku antaranya Teori Deontologi yang meletakkan niat dan nilai intrinsik sesuatu tingkahlaku sebagai asas yang menentukan betul atau salah dan buruk atau baik sesuatu tingkahlaku (Bratton, 2004). *Theory of Reasoned Action* (TRA) menyatakan bahawa niat seseorang terbentuk daripada sikap dan norma subjektif dan selanjutnya secara langsung akan mempengaruhi tingkahlakunya (Sihombing, 2003). *Theory Planned Behaviour* (TPB) pula cuba menjelaskan bahawa niat untuk melakukan sesuatu tidak hanya dipengaruhi oleh sikap terhadap tingkahlaku dan norma subjektif, tetapi juga dipengaruhi oleh *perceived behavioral control*. *Perceived Behavioral Control* adalah dipengaruhi oleh pengalaman masa lalu dan pertimbangan seseorang mengenai susah atau tidaknya melakukan sesuatu tingkahlaku tersebut (Azwar, 2003). Berdasarkan TPB juga seseorang dapat bertindak berdasarkan niatnya hanya jika ia memiliki kawalan terhadap tingkahlakunya. Teori ini tidak hanya menekankan pada rasional sesuatu tingkahlaku manusia, tetapi juga pada keyakinan bahawa sasaran tingkahlaku berada di bawah kawalan individu.

Begitu juga kajian oleh Rabl dan Kuhlmann (2008) mendapati bahawa niat untuk melakukan rasuah mempunyai hubungan yang sangat kuat dengan tingkahlaku rasuah. Pandangan Rabl & Kuhlmann (2008) ini diterjemahkan dalam “Model Corrupt Action” yang menerangkan bahawa sikap dan norma subjektif mempengaruhi keinginan seseorang untuk melakukan rasuah. Keinginan ini akan menimbulkan niat seseorang untuk melakukan rasuah. Kajian beliau juga mendapati persepsi bahawa terdapat ruang atau kelompongan yang membolehkan mereka terlepas daripada dikenakan tindakan boleh menimbulkan niat untuk melakukan rasuah. Walaubagaimanapun kajian oleh Powpaka (2002) mendapati bahawa sikap memberikan kesan yang sangat kuat terhadap niat untuk melakukan rasuah berbanding norma subjektif dan *perceived Behavioral Control*. Kajian oleh Bagozzi et al. (2003) melalui *Model of Effortful Decision Making and Enactment* menjelaskan bahawa seseorang yang mempunyai niat yang kuat untuk melakukan rasuah demi mencapai matlamat diri dan juga organisasinya akan melakukan tingkahlaku rasuah dengan jayanya. Ini menunjukkan betapa kuatnya fungsi niat terhadap diri seseorang untuk melakukan sesuatu tingkahlaku yang beretika atau tidak beretika. Menurut Bagozzi et al. (2003) niat untuk melakukan rasuah adalah kuat sekiranya seseorang merasakan bahawa beliau boleh mengawal tindakan rasuah yang akan dilakukan. Keadaan ini merujuk kepada *perceived behavioral control* iaitu kemampuan seseorang untuk mengawal risiko atau kemungkinan ditangkap dan dihukum atau tanggapan bahawa mudah atau susah untuk melakukan rasuah (Gollwitzer & Brandstatter, 1997; Ajzen, 1991; Bagozzi et al., 2003).

2.2 Faktor-faktor yang Mempengaruhi Niat Untuk Melakukan Rasuah

Berdasarkan kajian-kajian lepas, niat untuk melakukan rasuah adalah dipengaruhi oleh beberapa faktor seperti sikap, tanggapan dan persekitaran. Laporan Keputusan Perbincangan dan Resolusi Forum Integriti Politik dengan Ahli Majlis Kerajaan Tempatan Negeri Johor pada 16 Oktober 2008 telah menyenaraikan beberapa sebab utama gejala rasuah antaranya:

- Rasuah berlaku dalam kerajaan tempatan kerana pegawai-pegawai terpaksa untuk melakukannya
- Pendapatan tidak mencukupi untuk menyokong keluarga selain kerana keperluan dan kerana tamak.
- Pegawai berkhidmat dalam jabatan yang sama untuk masa yang lama.

- Hadiah dan cenderamata yang sering diberikan terutama pada musim perayaan kerana kedudukan.
- Rasuah berlaku kerana individu itu mempunyai kuasa.
- Proses yang perlahan yang berkaitan dengan permohonan tertentu, contohnya bagi mendapatkan lesen.
- Rasuah yang berlaku di kalangan pemilik gerai yang tidak berlesen.
- Rasuah berlaku di kalangan ahli-ahli masyarakat kerana mereka terdesak untuk menjalankan perniagaan di tempat yang strategik.
- Sistem penguatkuasaan yang lemah dalam kerajaan tempatan.
- Kewujudan sistem birokrasi dalam pentadbiran kerajaan tempatan terutamanya yang berkaitan dengan projek-projek pembangunan.
- Kekurangan pemahaman agama dan sivik tentang bahaya rasuah kepada negara dan negeri

(Laporan Keputusan Perbincangan dan Resolusi Forum Integriti Politik dengan Ahli Majlis Kerajaan Tempatan Negeri Johor, 2008)

Walaupun dalam kajian ini pengkaji merasakan bahawa perbincangan mengenai faktor-faktor yang mempengaruhi niat untuk melakukan rasuah adalah lebih sesuai dibahaskan dari dua aspek iaitu daripada faktor dalaman dan juga faktor luaran kerana selaras dengan Etika Kerja Islam sebagai pembolehkan penyederhanaan yang mengandungi nilai intrinsik (dalaman) dan ekstrinsik (aspek luaran). Kedua-dua faktor ini juga dapat dilihat dari aspek lahiriah dan batiniah yang akan menentukan antara baik dan buruk tingkahlaku seseorang dalam melakukan pekerjaan dan tanggungjawab yang diamanahkan kepadanya (Mohamad Khadafi, 2015). Menurut Trevino (1986), dalam membuat keputusan untuk melakukan tindakan tidak beretika itu adalah dipengaruhi oleh dua perkara iaitu faktor individu dan faktor situasi. Faktor individu adalah merujuk kepada faktor dalaman manakala faktor situasi adalah merujuk kepada faktor luaran. Kajian oleh Suhardi, (2016) mendapati bahawa dari perspektif budaya faktor dalaman individu merupakan penentu tingkahlaku manusia selain dari faktor luaran iaitu sistem yang mengelilinginya. Begitu juga dilihat dari perspektif tingkahlaku moral dimana menurut Azizi (2000), faktor-faktor yang mempengaruhi pembentukan moral boleh dibahagikan kepada dua, iaitu faktor persekitaran luar dan faktor dalam diri sendiri. Manakala menurut pandangan Tengku Sarina Aini & Fadillah (2007) terdapat dua faktor yang mempengaruhi dorongan seseorang dalam melakukan pekerjaan iaitu faktor dalaman dan faktor luaran. Faktor dalaman merujuk kepada motivasi dalam diri individu itu sendiri. Seperti kata pepatah “No one can motivate someone else”. Ini bermakna motivasi datang daripada diri seseorang individu. Motivasi dalaman ini timbul daripada kesedaran diri untuk bertindak dalam memulakan sesuatu dan kemudian meneruskannya sehingga berjaya. Manakala faktor luaran pula merupakan semua bentuk dorongan yang ada di sekitar yang menyebabkan seseorang itu bertindak memulakan sesuatu dan meneruskan segala bentuk tindakan yang positif. Kenyataan ini seiring dengan kajian oleh Karunanithy (2010) yang menyatakan bahawa terdapat dua faktor yang mempengaruhi tingkahlaku rasuah iaitu yang pertama adalah faktor dalaman dan yang kedua adalah faktor luaran.

2.2.1 Faktor Dalaman

Faktor dalaman individu merupakan faktor yang mempengaruhi seseorang untuk melakukan rasuah (Noraida, Zaidi, & Noor Ashikin, 2013). Faktor dalaman yang dibincangkan dalam kajian ini lebih menfokus kepada sikap seseorang. Sikap ialah perasaan atau persepsi seseorang terhadap sesuatu perkara sama ada suka atau tidak suka terhadap sesuatu perkara tersebut (Maizatul Haizan & Wan Idros, 2014). Secara umumnya sikap mengandungi tiga komponen iaitu kepercayaan, perasaan dan tingkahlaku (Quinn, 2007). Sikap akan datang bersama perasaan dan seterusnya mewujudkan tingkahlaku (Quinn, 2007; Ajzen dan Fishbein, 1980). Walaupun Al-Ghazali (1985) mempunyai pandangan yang berbeza di mana

beliau menyatakan sikap ialah suatu organisme yang lekat pada diri manusia, bertindak sebagai wadah tempat timbulnya perbuatan dengan mudah tanpa pemikiran dan pertimbangan. Jika tingkahlaku tersebut baik menurut akal dan syarak maka ia dinamakan sikap baik. Menurut beliau lagi sumber kepada sikap ada empat iaitu bijaksana, kesatria, kesucian dan adil. Berdasarkan empat perkara ini akan lahirnya sikap atau akhlak yang baik sebagai pekerti orang mukmin.

Manakala menurut (Robbins, 2006), sikap mencerminkan bagaimana seseorang merasakan sesuatu. Menurut beliau terdapat tiga komponen sikap iaitu kognitif, afektif dan perilaku. Kognitif adalah sikap yang mengacu kepada pendapat atau keyakinan terhadap objek. Manakala afektif adalah sikap yang mengacu kepada emosi atau perasaan dan perilaku adalah sikap yang mengacu kepada maksud untuk berperilaku dalam cara tertentu terhadap seseorang atau sesuatu. Walaubagaimanapun dalam kajian ini sikap dibincangkan secara khusus yang menjurus kepada tingkahlaku rasuah dengan merujuk kepada kajian-kajian lepas seperti kajian oleh Rabl & Kuhlmann (2008) dan Zaharhanum (2014) yang menyatakan bahawa sikap boleh mempengaruhi keinginan untuk melakukan rasuah. Pendapat ini seiring dengan hasil kajian Powpaka (2002) iaitu sikap mempunyai kesan yang sangat kuat terhadap niat untuk melakukan rasuah.

2.2.2 Faktor Luaran

Faktor-faktor luaran yang mempengaruhi seseorang untuk melakukan rasuah dapat dilihat daripada pelbagai perspektif iaitu seperti keluarga, organisasi dan masyarakat. Pengalaman hidup dan interaksi individu terhadap mereka yang berada disekeliling iaitu ibubapa dan keluarga, rakan sekerja, pemimpin dan masyarakat berperanan dalam memberikan takrif dan pandangan sama ada sesuatu perbuatan yang hendak dilakukan itu baik atau buruk. Menurut Mustakim et al., (2016) sesebuah masyarakat yang mengamalkan nilai negatif cenderung untuk mempengaruhi individu lain supaya bersikap negatif. Kenyataan ini menyokong *Model of Deontic Justice* yang dibangunkan oleh Constant (2010) tentang proses sosialisasi rasuah dalam organisasi di mana sistem, rakan sekerja dan pemimpin dalam sesebuah organisasi mempengaruhi tingkahlaku rasuah oleh ahli baru atau pekerja baru dalam organisasi tersebut.

3.0 METHODOLOGI KAJIAN

Borang soal selidik telah diedarkan kepada 356 orang penjawat awam Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Johor iaitu daripada gred 19 hingga 48. Negeri Johor telah dipilih dalam menjalankan kajian ini kerana merupakan negeri yang paling banyak mempunyai PBT berbanding negeri-negeri lain di Semenanjung Malaysia. Pemilihan penjawat awam menggunakan kaedah persampelan rawak berstrata, di mana semua penjawat awam di PBT Negeri Johor yang terlibat di bahagi kepada dua iaitu kumpulan pengurusan dan kumpulan pelaksana. Segala maklumat di dalam borang soal selidik dianalisis menggunakan perisian SPSS versi 21 dan AMOS versi 20 bagi mendapatkan hasil kajian mengikut objektif yang telah ditetapkan oleh pengkaji. Pembolehubah bagi faktor yang mempengaruhi niat untuk melakukan rasuah diukur menggunakan skala pengukuran tingkahlaku yang dibina oleh penyelidik terdahulu sebagaimana dinyatakan dalam **Jadual 3**. Penekanan adalah menggunakan niat tingkahlaku sebagai proksi kepada tingkahlaku rasuah. Antara kajian yang menggunakan niat sebagai peramal kepada tingkahlaku adalah seperti kajian oleh Rabl dan Kuhlmann (2008) dan Trevino, Weaver, Gibson, dan Tofler (1999). Teknik analisa data yang digunakan adalah analisis deskriptif dan analisis eksplanatif. Analisis eksplanatif menggunakan *Struktural Equation Modeling (SEM)* bagi mendapatkan hubungan langsung daripada faktor dalaman dan luaran terhadap niat untuk melakukan rasuah di kalangan penjawat awam PBT Negeri Johor.

4.0 DAPATAN KAJIAN

4.1 Analisis Kebolehpercayaan

Kebolehpercayaan soal selidik dianalisis berdasarkan pekali “*Cronbach’s alpha*”. **Jadual 2** menunjukkan nilai “*Cronbach’s alpha*” bagi semua faktor adalah melebihi 0.6, ini bermakna setiap faktor itu boleh dipercayai dan boleh diteruskan dengan analisis yang berikut.

Jadual 2. Analisis Secara Kebolehpercayaan

	<i>Cronbach's Alpha</i>	<i>N of Items</i>
Faktor Dalaman	0.876	13
Faktor Luaran	0.920	24
Niat	0.874	7

4.2 Analisis Deskriptif Faktor Dalaman dan Luaran

Persetujuan responden terhadap faktor yang mempengaruhi niat seseorang penjawat awam di PBT untuk melakukan rasuah diukur berdasarkan skala 1, iaitu untuk sangat tidak setuju, hingga skala 5, iaitu untuk sangat setuju. Secara terperinci dapatan deskriptif tentang persetujuan responden ditunjukkan dalam **Jadual 3** di bawah:

Jadual 3. Deskriptif bagi Faktor Dalaman dan Faktor Luaran

Pembolehubah	Item	Sisihan Piawai	Min	Purata Min
Sikap Mengabaikan Nilai dan Tuntutan Agama				
Keadaan di PBT sekarang memperlihatkan kurangnya penghayatan oleh segelintir kakitangan terhadap nilai dan akhlak yang baik (Kamarudin, 2004)	FD1	1.176	2.97	3.04
Keadaan di mana terdapat kakitangan PBT yang memperlihatkan ketidakpatuhan terhadap tuntutan agama (Shukri, 2011; Mohamad Fauzi, 2001)	FD2	1.162	3.01	
Keadaan sekarang memperlihatkan terdapat kakitangan PBT yang kurang menghayati dan memahami tentang konsep pahala dan dosa (Shukri, 2011; Mohd Koharuddin, 2012)	FD3	1.197	3.05	
Keadaan di PBT sekarang memperlihatkan terdapatnya kakitangan yang gagal untuk memahami dan melaksanakan konsep kerja sebagai satu ibadah (Mohd Ribuan, 2004; Mohd Koharuddin, 2012)	FD4	1.227	3.14	
Sikap Pentingkan Diri				
Balasan terhadap layanan yang diberikan selain daripada hak yang sepatutnya lebih utama daripada melakukan perkara yang sepatutnya (Mohd Koharuddin, 2012; Muhammad Syafri, 2016; Ahmad Taufik, 2012)	FD5	1.226	2.85	3.16
Kepentingan peribadi adalah lebih utama dari kepentingan pekerjaan (Mohd Koharuddin, 2012; Hanafi, 2013)	FD6	1.233	2.74	
Saya sedia untuk berkorban demi kepentingan masyarakat (Mohd Koharuddin, 2012)	FD7	0.869	3.91	
Gaya Hidup Mewah Melebihi Kemampuan				
Gaya hidup mewah merupakan satu keperluan walaupun melebihi pendapatan dan kadangkala terpaksa melakukan sesuatu yang dilarang (Kamarudin, 2004; Ahmad Taufik, 2012)	FD8	1.279	2.43	

Adalah penting memiliki kemewahan wang atau harta lebih dari kawan-kawan bagi menunjukkan bahawa ia lebih berjaya (<i>Mohd Hata, 2001</i>)	FD9	1.197	2.41	2.51
Keputusan yang dibuat oleh segelintir kakitangan di PBT sekarang ini seperti mementingkan wang dan imej sahaja (<i>Siti Zalina, 2006</i>)	FD10	1.182	2.68	
Sikap Tamak				
Terdapat kakitangan PBT yang mengambil kesempatan menggunakan kuasa yang dimiliki untuk usaha-usaha yang bersifat pemerasan terhadap orang lain (<i>Lita, 2015</i>)	FD11	1.157	2.88	3.42
Kakitangan PBT sentiasa menjaga keseimbangan antara hak dan kewajipan yang dipertanggungjawabkan (<i>Lita, 2015</i>)	FD12	0.924	3.73	
Kakitangan PBT sentiasa bersikap adil terhadap semua (<i>Lita, 2015</i>)	FD13	0.914	3.66	
Pengaruh Keluarga				
Terdapat kakitangan PBT yang memperlihatkan kecenderungan untuk melakukan sesuatu di luar organisasi demi kepentingan keluarga walaupun terpaksa melanggar peraturan kerja (<i>Kolthoff, 2007</i>)	FD14	1.106	2.90	2.90
Terdapat kakitangan PBT yang memperlihatkan kecenderungan untuk mendedahkan maklumat sulit dengan tujuan untuk membantu ahli keluarga (<i>Kolthoff, 2007</i>)	FD15	1.092	2.69	
Dalam urusan pemberian projek kerajaan ada berlakunya nepotisme/kronisme (<i>Kamarudin, 2004</i>)	FD16	1.067	3.11	
Pengaruh Rakan Sekerja				
Warga organisasi di PBT ini dilihat melakukan tindakan tidak beretika kerana terikut-ikut dan takut dipulau oleh rakan sekerja (<i>Mohd Koharuddin, 2012; Mohamad Fauzi, 2001</i>)	FD17	1.158	3.0	3.22
Jika seseorang rakan sekerja melakukan kesilapan, ia tidak harus ditegur kerana mungkin akan menjejaskan ikatan persahabatan (<i>Mohd Ribuan, 2004</i>)	FD18	1.127	2.65	
Seronok bekerja di PBT ini kerana rakan-rakan yang mesra serta sentiasa menyokong untuk bekerja dengan jujur dan amanah (<i>Mohd Koharuddin, 2012; Shukri, 2011</i>)	FD19	0.854	4.02	
Kelemahan Kepimpinan				
Saya menjalankan tugas tanpa kawalan daripada atasan (<i>Muhammad Syafri, 2016</i>)	FD20	1.068	3.57	3.49
Pihak atasan sering mengingatkan dan tidak berkompromi terhadap apa jua tingkahlaku tidak beretika dalam organisasi (<i>Kolthoff, 2007, Mohd Koharuddin, 2012</i>)	FD21	0.878	3.84	
Pegawai atasan tidak mengambil tindakan serta laporan terhadap salahlaku pegawai bawahan selagi tugas dilaksanakan dengan baik (<i>Jabatan Perdana Menteri, 2007; Mohd Ribuan, 2004; Mohamad Fauzi, 2001</i>)	FD22	1.120	3.08	
Peluang				
Apa yang saya lakukan dan perolehi adalah bergantung kepada peluang (<i>Mohd Koharuddin, 2012; Foo, 2010</i>)	FD23	1.187	2.97	2.88
Kakitangan di PBT ini dilihat pernah ditawarkan suapan semasa menjalankan tugas. (<i>Mohd Koharuddin, 2012; Shukri, 2011</i>)	FD24	1.056	2.93	
Keadaan di PBT ini memperlihatkan kebebasan serta ruang yang melangkaui bidang kuasa kepada semua pihak dalam menyelesaikan sesuatu urusan kerja (<i>Jabatan Perdana Menteri, 2007</i>)	FD25	1.109	2.75	
Prosedur Kerja Tidak Jelas				
Saya tidak dapat melaksanakan sepenuhnya piagam pelanggan dan prosedur kerja yang ditetapkan kerana tidak begitu memahaminya (<i>Mohd Koharuddin, 2012</i>)	FD26	1.117	2.78	2.84
Adalah penting untuk mengikuti peraturan dan prosedur kerja sepenuhnya sebagaimana yang ditetapkan (<i>Siti Zalina, 2006</i>)	FD27	1.190	3.08	
Proses berurusan di PBT sekarang adalah rumit dan kompleks (<i>Foo, 2010</i>)	FD28	1.167	2.68	

Penguatkuasaan Lemah				
Kita boleh menipu untuk melepaskan diri dari hukuman kerana semua orang melakukannya (<i>Ribuan, 2004</i>)	FD29	1.151	2.34	3.28
Dalam keadaan sekarang sesiapa sahaja yang melakukan kesalahan akan dikenakan hukuman tanpa mengira status atau pangkat (<i>Jabatan Perdana Menteri, 2007</i>)	FD30	1.047	3.68	
Penguatkuasaan undang-undang rasuah oleh SPRM membuatkan saya tidak berani untuk terlibat dengannya. (<i>Shukri, 2011</i>)	FD31	1.006	3.82	
Sosial dan Budaya				
Amalan menerima hadiah untuk memberi perkhidmatan telah menjadi lumrah di PBT ini (<i>Jabatan Perdana Menteri, 2007</i>)	FD32	1.163	2.44	2.41
Amalan menerima rasuah sebagai menjaga hati orang awam (<i>Mohamad Fauzi, 2001</i>)	FD33	1.149	2.35	
Keadaan di PBT sekarang memperlihatkan pemberian rasuah sebagai sumbangan dan saguhati terhadap khidmat dan layanan yang diberikan (<i>Mohamad Fauzi, 2001</i>)	FD34	1.159	2.45	
Pembangunan dan Modernisasi				
Nepotisme/kronisme boleh berlaku kerana kepesatan pembangunan dan modenisasi (<i>Kamarudin, 2004</i>)	FD35	1.042	3.11	2.93
Persaingan di zaman moden memperlihatkan pemberian rasuah sebagai mekanisme untuk mempercepatkan urusan (<i>Kamarudin, 2004</i>)	FD36	1.221	2.87	
Arus modenisasi memperlihatkan rasuah sebagai mekanisme untuk memudahkan perolehan projek kerajaan (<i>Kamarudin, 2004</i>)	FD37	1.205	2.82	

4.3 Analisis Faktor Pengesahan (CFA)

Jadual 4. Keputusan Analisis Faktor Pengesahan (CFA)

Construct	Item	Factor Loading
Faktor Dalaman	FD_1	0.873
	FD_2	0.905
	FD_3	0.912
	FD_4	0.905
	FD_5	0.727
	FD_6	0.645
	FD_10	0.718
Faktor Luaran	FD_11	0.632
	FL_15	0.728
	FL_17	0.762
	FL_18	0.794
	FL_23	0.717
	FL_24	0.659
	FL_25	0.797
FL_26	0.741	

	FL_27	0.649
	FL_28	0.639
	FL_32	0.837
	FL_33	0.842
	FL_34	0.847
	FL_35	0.644
	FL_36	0.777
	FL_37	0.776

Semua “*factor loadings*” dalam jadual di atas telah melebihi 0.6 yang diperlukan, maka, penyelidik menganggap bahawa *undimensionality* untuk pengukuran Faktor Dalaman dan Faktor Luaran telah tercapai.

3.4 Ujian Hipotesis

H₁: Faktor Dalaman berpengaruh signifikan terhadap Niat untuk melakukan rasuah

Jadual 5. Menguji kesan penyebab Faktor Dalaman terhadap Niat melakukan rasuah

<i>Variable</i>	<i>Path</i>	<i>Variable</i>	<i>Estimate</i>	<i>S.E.</i>	<i>C.R.</i>	<i>P</i>	<i>Result</i>
Niat Melakukan Rasuah	<---	Faktor Dalaman	0.272	0.039	7.048	***	Signifikan

Definisi untuk tahap signifikan “*regression weight*” berdasarkan **Jadual 5** di atas, “*p-value*” daripada analisis menunjukkan lebih kecil daripada aras signifikan iaitu 0.05, jadi “*null hypothesis*” ini ditolak. Ini bermakna, *alternative hypothesis* disokong. Jadi, kesimpulannya Faktor Dalaman mempengaruhi signifikan terhadap Niat untuk melakukan rasuah.

H₁: Faktor Luaran berpengaruh signifikan terhadap niat untuk melakukan rasuah

Jadual 6. Menguji kesan penyebab Faktor Luaran terhadap Niat melakukan rasuah

<i>Variable</i>	<i>Path</i>	<i>Variable</i>	<i>Estimate</i>	<i>S.E.</i>	<i>C.R.</i>	<i>P</i>	<i>Result</i>
Niat Melakukan Rasuah	<---	Faktor Luaran	0.671	0.039	16.989	***	Signifikan

Definisi untuk tahap signifikan untuk “*regression weight*”: Berdasarkan **Jadual 6** di atas, “*p-value*” daripada analisis menunjukkan lebih kecil daripada aras signifikan iaitu 0.05, jadi “*null hypothesis*” ini ditolak. Ini bermakna, *alternative hypothesis* disokong. Jadi, kesimpulannya Faktor Luaran mempengaruhi signifikan terhadap Niat untuk melakukan rasuah. Ringkasan Ujian Hipotesis ditunjukkan dalam **Jadual 7** di bawah:

Jadual 7. Keputusan ujian hipotesis

	Hipotesis	Keputusan
H₁	Faktor Dalaman berpengaruh signifikan terhadap Niat untuk melakukan rasuah	<i>Signifikan</i>
H₂	Faktor Luaran berpengaruh signifikan terhadap niat untuk melakukan rasuah	<i>Signifikan</i>

5.0 PERBINCANGAN

Kajian ini telah mencapai objektifnya dalam mengenalpasti faktor dalaman dan luaran yang mempengaruhi niat untuk melakukan rasuah di kalangan penjawat awam di PBT. Berikut menunjukkan faktor dalaman yang telah dikenalpasti melalui analisis deskriptif dan analisis CFA yang mempengaruhi niat seseorang untuk melakukan rasuah adalah seperti berikut:

5.1 Faktor Dalaman

5.1.1 Sikap Mengabaikan nilai dan tuntutan agama

Kajian ini membuktikan bahawa antara faktor yang mempengaruhi niat seseorang penjawat awam di PBT untuk melakukan rasuah adalah sikap mengabaikan nilai dan tuntutan agama. Terdapat 4 item bagi mengukur faktor tersebut dengan skala 1 hingga 5. Kajian ini mendapati persetujuan responden terhadap faktor ini adalah tinggi. **Jadual 3** menunjukkan keempat-empat item yang mengukur faktor ini memberikan purata min sebanyak 3.04. Dapatan kajian menunjukkan bahawa keadaan di PBT sekarang ini yang memperlihatkan kurangnya penghayatan oleh segelintir kakitangan terhadap nilai dan akhlak yang baik serta ketidakpatuhan terhadap tuntutan agama merupakan antara faktor yang mempengaruhi niat penjawat awam untuk melakukan rasuah. Situasi ini adalah berhubung kait dengan sikap penjawat awam itu sendiri yang kurang menghayati dan memahami tentang konsep pahala dan dosa serta konsep kerja sebagai satu ibadah. Tanpa penghayatan terhadap konsep ini seseorang penjawat awam akan melakukan sesuatu hanya untuk memenuhi keperluan diri tanpa memikirkan tanggungjawab dan amanah yang sepatutnya dilaksanakan. Mereka tidak menyedari tentang balasan yang akan diterima kelak dan pekerjaan yang dilakukan juga hanya sekadar menyelesaikan tugas yang diberi tanpa bermatlamat untuk mendapat keredhaan Allah. Keputusan kajian ini menyokong dapatan kajian yang telah dijalankan oleh SERU (1991) dan Mohamad Fauzi (2001) yang menyatakan lemahnya pegangan agama dan rendah akhlak menjadi punca penjawat awam menerima rasuah. Seseorang penjawat awam yang lemah pegangan agama akan cenderung untuk menurut hawa nafsu dan mudah terpengaruh dengan ganjaran yang ditawarkan kepadanya demi untuk memenuhi kepentingan peribadi. Berdasarkan analisis CFA empat item yang dinyatakan mempunyai "*factor loading*" melebihi 0.6 iaitu bagi FD 1 sebanyak 0.873, FD 2 sebanyak 0.905, FD 3 sebanyak 0.912 dan FD 4 sebanyak 0.905. Oleh itu keempat-empat item yang ditunjukkan dalam **Jadual 3** merupakan antara pembolehubah dalam faktor dalaman yang boleh mempengaruhi niat untuk melakukan rasuah di kalangan penjawat awam di PBT.

5.1.2 Sikap Mementingkan Diri

Jadual 3 menunjukkan semua item yang mengukur faktor sikap pentingkan diri sendiri mempunyai purata min sebanyak 3.16. Responden memberikan persetujuan yang tinggi terhadap sikap mementingkan diri sebagai faktor yang mempengaruhi niat untuk melakukan rasuah. Berdasarkan analisis CFA terdapat dua item yang dapat menjadi pembolehubah mewakili faktor pentingkan diri sendiri iaitu bagi item FD 5 dan FD 6 yang mempunyai "*factor loading*" sebanyak 0.727 dan 0.645. Sikap pentingkan diri dapat dilihat apabila seseorang mempunyai kepercayaan bahawa balasan terhadap layanan yang diberikan selain daripada hak yang sepatutnya lebih utama daripada melakukan perkara yang sepatutnya. Seseorang

penjawat awam di PBT juga dikatakan mempunyai niat untuk melakukan rasuah apabila adanya kepercayaan bahawa kepentingan peribadi adalah lebih utama dari kepentingan pekerjaan. Kedua-dua item ini sudah tentunya dapat menzahirkan sikap pentingkan diri yang akhirnya mendorong seseorang penjawat awam untuk sanggup melakukan apa sahaja termasuklah rasuah. Dapatan kajian ini menyokong pandangan Hanafi (2014) dan Sarah Dina & Mohd Adib (2013) yang menyatakan bahawa sikap mementingkan diri sendiri dan tidak memikirkan kesan buruk yang mungkin berlaku kepada orang lain akan mendorong kepada sikap tidak berintegriti dan cenderung kepada rasuah.

5.1.3 Sikap Inginan Hidup Mewah Melebihi Kemampuan

Persetujuan responden terhadap faktor ini agak tinggi dengan purata min sebanyak 2.51. Responden bersetuju bahawa sikap inginan hidup mewah melebihi kemampuan merupakan antara faktor yang mempengaruhi niat seseorang untuk melakukan rasuah. Analisis CFA mendapati bahawa penjawat awam yang terlalu mementingkan wang dan imej sanggup melakukan rasuah demi mendapatkan kehidupan yang mewah walaupun melebihi kemampuan. Penemuan ini menyokong pandangan Mohamad Fauzi (2001) dan Kamarudin (2004) bahawa punca berlakunya rasuah di Malaysia adalah keinginan untuk hidup mewah melebihi kemampuan dan keinginan untuk mencapai status dalam masyarakat mendorong kepada berlakunya rasuah.

5.1.4 Sikap Tamak

Jadual 3 menunjukkan min purata yang diperolehi bagi faktor ini adalah sebanyak 3.42. Ini menunjukkan persetujuan yang tinggi oleh responden terhadap sikap tamak sebagai faktor yang mempengaruhi niat seseorang penjawat awam untuk melakukan rasuah. Ini adalah seiring dengan pandangan Kamarudin (2004) yang menyatakan bahawa antara punca berlakunya rasuah di Malaysia adalah sikap tamak dan tidak bersyukur dengan apa yang dimiliki. Daripada analisis CFA, sikap tamak boleh dilihat apabila seseorang penjawat awam itu menggunakan kuasa yang dimiliki untuk mengambil kesempatan atau meminta sesuatu yang bukan haknya.

5.2 Faktor Luaran

Faktor luaran pula diukur menggunakan dua puluh empat item yang terdapat dalam borang soalselidik. Namun begitu berdasarkan analisa CFA yang ditunjukkan dalam **Jadual 4**, hanya lima belas item yang boleh dikekalkan iaitu yang mempunyai “*factor loading*” melebihi 0.6. Item tersebut kemudiannya diuji untuk menentukan pengaruh terhadap niat untuk melakukan rasuah. Hasil analisa mendapati semua item tersebut mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap niat untuk melakukan rasuah (“*p value*” lebih kecil dari 0.05). Faktor luaran tersebut adalah sebagaimana berikut:

5.2.1 Pengaruh Keluarga

Berdasarkan analisa deskriptif dalam **Jadual 3**, tiga item (FL14,15, dan 16) yang mengukur faktor pengaruh keluarga ini mempunyai min purata sebanyak 2.90. Ini menunjukkan persetujuan responden terhadap faktor ini adalah agak tinggi. Hasil analisis CFA menunjukkan hanya satu item yang bernombor FL15 iaitu mempunyai “*factor loading*” sebanyak 0.728 dan boleh diterima sebagai pengukur kepada pengaruh keluarga dalam mempengaruhi niat seseorang penjawat awam di PBT untuk melakukan rasuah. Pengaruh keluarga dapat dilihat dalam keadaan di mana terdapat kecenderungan untuk membantu ahli keluarga. Kenyataan ini seiring dengan pandangan Kamarudin (2004) yang menyatakan bahawa senario rasuah menjadi semakin serius dengan adanya amalan nepotisme di mana golongan tertentu yang mempunyai pertalian keluarga akan mendapat keutamaan yang lebih untuk diberikan projek-projek pembangunan.

5.2.2 Pengaruh Rakan Sekerja

Jadual 3 menunjukkan pengaruh rakan sekerja mempunyai kesan yang kuat terhadap tingkahlaku rasuah penjawat awam dimana nilai purata min bagi faktor ini adalah sebanyak 3.22. Persetujuan responden bagi faktor pengaruh rakan sekerja adalah agak tinggi disebabkan PBT merupakan satu agensi tertutup yang melaksanakan pelantikan kakitangan melalui Lembaga Melantik PBT itu sendiri. Mereka akan berkhidmat di sesebuah PBT dalam tempoh yang lama biasanya sehingga tempoh persaraan tanpa bertukar ke mana-mana PBT atau agensi kerajaan yang lain. Tempoh yang lama sehingga berpuluh tahun ini menjadikan hubungan sesama mereka sangat rapat dan saling mempengaruhi antara satu sama lain. Oleh itu ada antara pelaku rasuah di PBT sanggup mengamalkan rasuah kerana terikut-ikut dengan tindakan rakan sekerja yang mengamalkan rasuah. Berdasarkan analisis CFA dua item didapati boleh menjadi pengukur bagi faktor pengaruh rakan sekerja. Item FL17 mengukur pengaruh rakan sekerja melalui keadaan di mana warga organisasi di PBT dilihat melakukan tindakan tidak beretika kerana terikut-ikut dan takut dipulau oleh rakan sekerja. Manakala FL 18 pula mengukur pengaruh rakan sekerja iaitu apabila rakan sekerja melakukan kesilapan, ia tidak harus ditegur kerana mungkin akan menjejaskan ikatan persahabatan. Dapatan kajian ini seiring dengan hasil kajian Ahmad Taufik (2012), Mohamad Fauzi (2001) dan Zey-Ferrell et.al.(1979) yang merumuskan bahawa apa yang dilakukan oleh rakan sekerja adalah peramal terbaik kepada tingkahlaku tidak beretika seperti rasuah. Selain itu hasil kajian ini menyokong teori-teori seperti *Theory of Plan Behaviour* (Ajzen, 1991), *Model of Corrupt Action* (Rabl & Kuhlmann, 2008), "*Model of Deontic Justice*" (Constant, 2010) dan Teori Pembelajaran Sosial (Bandura, 1977) yang menyatakan bahawa pengaruh orang terdekat seperti rakan sekerja merupakan salah satu faktor yang mempengaruhi tingkahlaku etika individu dalam organisasi termasuklah tingkahlaku rasuah.

5.2.3 Peluang dan Ruang

Hasil kajian menunjukkan bahawa peluang dan ruang merupakan antara faktor yang mempengaruhi niat untuk melakukan rasuah. Tahap persetujuan responden yang agak tinggi terhadap faktor peluang dapat dilihat berdasarkan purata min sebanyak 2.88. Peluang untuk melakukan rasuah wujud kerana kelemahan kawalan dalaman, karenah birokrasi, kurang pemantauan dan banyak menggunakan kuasa budi bicara dalam membuat keputusan. Keadaan seperti ini memperlihatkan terdapatnya kebebasan serta ruang yang melangkaui bidang kuasa kepada semua pihak dalam menyelesaikan sesuatu urusan kerja. Keadaan ini boleh menimbulkan ketirisan dan mewujudkan ruang untuk berlakunya rasuah dalam organisasi. Kenyataan ini menyokong pandangan Aliza (2012) yang menyatakan bahawa kelemahan dalam kawalan dalaman, pemantauan dan penyeliaan serta sistem kerja boleh membuka ruang kepada tingkahlaku tidak beretika dan rasuah. Berdasarkan analisis CFA ketiga-tiga item didapati dapat menjadi pembolehubah yang mewakili faktor peluang iaitu sebagaimana **Jadual 4**. Peluang untuk melakukan rasuah ini dapat dilihat daripada beberapa aspek antaranya ialah sifat semula jadi jenis pekerjaan di PBT yang sentiasa terdedah kepada pemberian atau balasan sebagai tanda penghargaan terhadap perkhidmatan yang diberikan. Antara pekerjaan di PBT yang terdedah kepada amalan rasuah adalah kerja-kerja yang melibatkan kelulusan permohonan, pemantauan projek dan penguatkuasaan Kebanyakan perkhidmatan yang diberikan oleh PBT adalah secara langsung kepada orang awam dalam menyediakan infrastruktur serta kemudahan awam. PBT juga merupakan kerajaan peringkat ketiga yang paling hampir dengan rakyat. Berdasarkan hasil kajian, penjawat awam di PBT seringkali terdedah dengan gejala rasuah terutamanya yang berkaitan dengan Penguatkuasaan kelulusan sesuatu permohonan. Dapatan ini adalah bertepatan dengan pandangan seorang pakar kriminologi Amerika Syarikat iaitu Donald R. Cressey yang menyatakan peluang merupakan salah satu faktor yang mendorong kepada salahlaku (SPRM, 2015).

5.2.4 Prosedur Kerja Tidak jelas

Dapatan kajian menunjukkan bahawa prosedur kerja tidak jelas dan lapuk merupakan antara faktor yang mempengaruhi niat untuk melakukan rasuah. Berdasarkan analisa deskriptif dalam **Jadual 3**, purata min

bagi item FL26, FL27 dan FL28 ialah 2.84. Ini menunjukkan persetujuan yang agak tinggi oleh responden terhadap faktor ini. Hasil analisa CFA menunjukkan persetujuan responden terhadap prosedur kerja yang tidak difahami dengan jelas menyebabkan ianya tidak dapat diikuti sepenuhnya oleh kakitangan. Keadaan ini boleh membuka ruang berlakunya rasuah di mana penjawat awam yang tidak jujur akan sengaja merumitkan urusan pelanggan sehingga pelanggan terpaksa menawarkan rasuah bagi melicinkan segala urusan mereka. Tempoh menyiapkan atau melaksanakan sesuatu kerja yang tidak ditetapkan dengan jelas boleh menyebabkan kelewatan dan pelanggan terpaksa mencari jalan untuk menyelesaikan masalah tersebut dengan menawarkan sogokan. Hasil analisa deskriptif dan CFA menunjukkan persetujuan oleh responden terhadap niat untuk melakukan rasuah adalah dipengaruhi antaranya oleh kurangnya pemahaman oleh orang awam tentang cara dan prosedur berurusan di PBT telah memberi ruang kepada pelaku rasuah mengambil kesempatan atas kepincangan ini. Antara yang menjadi masalah kepada pelanggan dan orang ramai yang berurusan dengan PBT ialah prosedur kerja yang rumit, kelambatan dalam memproses apa-apa permohonan, banyak "red tape", banyak bahagian yang perlu dikunjungi oleh pelanggan dalam mendapatkan apa-apa urusan berkaitan PBT seperti permohonan lesen, kelulusan pelan bangunan, kelulusan ubah dan tambah, kelulusan perancangan, permohonan pelbagai permit dan segala urusan yang memerlukan kelulusan PBT.

5.2.5 Sosial dan Budaya

Persetujuan responden terhadap faktor ini memberikan purata min sebanyak 2.41. Analisa CFA, menunjukkan terdapat tiga item yang dapat menjadi pembolehubah faktor sosial dan budaya iaitu item FL32, FL33 dan FL 34. Kesemua item ini mempunyai "factor loading" yang tinggi iaitu FL32 sebanyak 0.837, FL33 sebanyak 0.842 dan FL34 sebanyak 0.847. Berdasarkan analisa CFA ketiga-tiga item ini dapat menjadi pembolehubah kepada faktor sosial dan budaya iaitu dalam keadaan di mana amalan menerima hadiah masih berlaku semasa memberikan perkhidmatan di PBT, keadaan di mana menerima hadiah untuk menjaga hati orang awam dan keadaan yang memperlihatkan pemberian rasuah sebagai satu saguhati terhadap khidmat dan layanan yang diberikan kepada masyarakat. Keputusan kajian ini adalah seiring kajian oleh Mohamad Fauzi (2001). Selain itu budaya memberi hadiah atau buah tangan sempena Hari Raya dan Tahun Baru Cina boleh mewujudkan suasana termakan budi atau "social obligation" sekiranya pemberian tersebut mempunyai kaitan dengan tugas dan kepentingan seseorang sebagai penjawat awam. Dapatan kajian yang dibincangkan ini juga dapat menyokong kajian yang dibuat oleh Anand, Ashforth, & Joshi (2005) dan Constant (2010) tentang proses rasionalisasi dan sosialisasi rasuah dalam sesebuah organisasi. Ini dapat dilihat apabila seseorang penjawat awam merasakan bahawa keseluruhan sistem dalam organisasi tempat mereka bekerja mengamalkan rasuah maka mereka beranggapan bahawa tidak salah sekiranya mereka juga melakukan perkara yang sama. Lantaran itu mereka cuba merasionalisasi tindakan rasuah tersebut dengan pelbagai alasan supaya perbuatannya diterima oleh masyarakat. Hasil kajian ini adalah seiring dengan kajian Muhammad Tahir (2009) dan menyokong teori yang dibangunkan oleh Aronson et. al (1994) iaitu "Social Impact Theory" tentang faktor sosial sebagai penyebab kepada rasuah.

5.2.6 Kepesatan Pembangunan dan Modernisasi

Secara umumnya, semua item yang mengukur faktor ini, mendapat min purata yang agak tinggi iaitu sebanyak 2.93 yang diukur berdasarkan skala 1 hingga 5 sebagaimana ditunjukkan dalam **Jadual 3**. Berdasarkan analisis CFA, tiga item didapati dapat menjadi pembolehubah yang mewakili faktor ini, iaitu nepotisme/kronisme boleh berlaku kerana kepesatan pembangunan dan modernisasi (FL35), persaingan di zaman moden memperlihatkan pemberian rasuah sebagai mekanisme untuk mempercepatkan urusan (FL36) dan arus modernisasi memperlihatkan rasuah sebagai mekanisme untuk memudahkan perolehan projek kerajaan (FL37). Kajian ini juga mendapati bahawa kepesatan pembangunan di sesebuah kawasan perbandaran telah menimbulkan persaingan dalam mendapatkan sesuatu projek kerajaan yang dikeluarkan oleh PBT. Kontraktor berlumba-lumba mendapatkan tender projek dengan cara memberikan rasuah bagi memenangi hati pegawai yang membuat keputusan. Perlumbaan moden ini menyebabkan

rasuah diberikan sebagai jalan pintas untuk mendapatkan projek. Selain itu arus modenisasi yang tidak diseimbangkan antara pembangunan sosial ekonomi dan pembangunan kerohanian akan memudahkan terjadinya rasuah. Hasil kajian ini seiring dengan dapatan kajian Kamarudin (2004) dan Mohammad Tahir (2009).

6.0 KESIMPULAN

Secara keseluruhannya hasil kajian telah mencapai objektifnya dalam menentukan faktor dalaman dan luaran yang mempengaruhi niat untuk melakukan rasuah. Faktor dalaman yang telah dikenalpasti adalah merujuk kepada sikap dan keinginan seseorang penjawat awam iaitu sikap mengabaikan nilai dan tuntutan, sikap pentingkan diri sendiri untuk memenuhi kepentingan peribadi, sikap inginkan gaya hidup mewah melebihi kemampuan dan sikap tamak. Manakala faktor luaran pula adalah pengaruh keluarga, pengaruh rakan, peluang dan ruang, kelemahan sistem dan prosedur kerja, sosial dan budaya serta kepesatan pembangunan dan modenisasi. Untuk itu usaha pencegahan rasuah perlu dilihat secara total yang memerlukan kepada perancangan dan pelaksanaan bersepadu dari semua pihak yang merangkumi semua aspek termasuklah penguatkuasaan, politik dan kepimpinan, pembangunan ekonomi, pembangunan sosial, program pendidikan serta pembangunan masyarakat. Pendekatan secara menyeluruh seperti inilah yang menjadi tuntutan dalam Islam supaya mengambilkira nilai spiritual dan fizikal dalam setiap aspek kehidupan termasuklah dalam aspek pencegahan rasuah

Rujukan

- Ahmad Taufik, S. (2012). *Pengaruh Faktor Individu dan Situasi Terhadap Tingkahlaku Etika Dalam Organisasi: Peranan Program Etika Sebagai Konstruk Penyederhana*. Tesis PHD, Universiti Utara Malaysia.
- Ajzen, I. (1991). The Theory of Planned Behavior. *Organizational Behavior and Human Decision Processes*, 179–211.
- Al- Ghazali. (1990). *Ihya Ulumiddin*. Beirut: Dar al Fikr.
- Ali, A. (1988). Scalling An Islamic Work Ethics?. *The Journal of Social Psychology*., 128(5), 575–583.
- Aliza, A. H. (2012). *Project Governance : Ethical Decision Making in Project Procurement in The Malaysian Public Sectors*. Queensland University of Technology
- Anand, V., Ashforth, B. E., & Joshi, M. (2005). The Acceptance and Perpetuation of Corruption in Organizations. *The Academy of Management Executive*, 19(4), 9–23.
- Anis Yusal Yusoff, Sri Murniati, & Jenny, G. (2014). *Memerangi Rasuah di Malaysia : Cukupkah Usaha Kita?* Institute for Democracy and Economic Affairs (IDEAS).
- Aronson, Elliot, Wilson, D. T. and Akert, M. R. (1994). *Social Psychology: the Heart and Mind*. New York: Harper Collins College Publishers.
- Azizi, Y. (2008). Keluarga Dalam Pembentukan Moral. *Journal of Science & Mathematics Education*
- Azwar, S. (2003). *Sikap Manusia Teori dan Pengukurannya* (2nd ed.). Yogyakarta: Pustaka Pelajar.

- Bagozzi, R. P., & Dholakia, U. M. (1999). Goal Setting and Goal Striving in Consumer Behavior Vol. 63, Fundamental Issues and Directions for Marketing (1999), pp. 19-32 Published by: American Marketing Association Article DOI: 10.2307/1252098 Stable URL: <http://www.jstor.org/stable/1252098> Page C. *Journal of Marketing*, 63, 19–32.
- Bagozzi, R. P., Dholakia, U. M., & Basuroy, S. (2003). How Effortful Decisions Get Enacted: The Motivating Role of Decision Processes, Desires, and Anticipated Emotions. *Journal of Behavioral Decision Making*, 16(July), 273–295. <http://doi.org/10.1002/bdm.446>
- Bratton, V., (2004). *Affective morality: The role of emotions in the ethical decision making process*. Universiti Florida.
- Constant, D. B. (2010). Resistance to Socialization into Organization Corruption: A Model of Deontic Justice. *Jurnal Bus Psychol*, 533–541. <http://doi.org/DOI 10.1007/s10869-010-9176-3>
- David Chua. (2016). Pencegahan Rasuah Lebih Berkesan: Keupayaan Sektor Korporat Mengembleng Usaha dan Komitmen. *Koleksi Artikel SPRM*.
- Fadillah Ismail. (2015). *Faktor Penentu Tahap Pemindahan Latihan Dalam Kalangan Sukarelawan Jabatan Pertahanan Awam Malaysia Negeri Johor*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Foo, W. K. (2010). *Rasuah : Analisis Ekonomi*. Universiti Kebangsaan Malaysia
- Gollwitzer, P. M. (1990). Action Phases and Mind Sets. In *Handbok of Motivation and Cognition: Foundations of Social Behavior 2* (pp. 53–92).
- Hanafi, H. (2014). *Integriti Menurut Hadith Nabi : Kajian Terhadap Kefahaman Kakitangan Pentadbiran UITM Shah Alam*. Tesis Master, Universiti Malaya Kuala Lumpur.
- Haron Din. (2010). *Manusia dan Islam*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jabatan Perdana Menteri. (2007). *Sistem Pengurusan Audit Nilai Dalam Perkhidmatan Awam*.
- Kamal Hassan. (2004). *Kepincangan Nilai dalam Masyarakat Global*. Kolokium Pengukuhan Integriti, Institut Kefahaman Islam Malaysia.
- Kamarudin, A. (2004). *Korupsi dan Pembangunan: Kajian Kes Tentang Rasuah di Malaysia*. Tesis Master, Universiti Malaya.
- Karunanithy, S. (2010). *Liputan berita pencegahan rasuah kajian ke atas akhbar, berita harian dan the star*. Tesis Master, University Kebangsaan Malaysia
- Kolthoff, E.W., & Huberts L.W.J.C. (2007). The Ethics of New Public Management: Is Integrity at Stake? : <https://www.researchgate.net/publication/252347164>
- KPKT. (2015). Laporan Statistik PBT. Retrieved from www.kpkt.gov.my
- Lita, L. (2015). *Amalan Nilai Pancasila dan Gaya Membuat Keputusan Dalam Birokrat Sulawesi Selatan*. Tesis PhD, Universiti Teknologi Malaysia.

- Maizatul Haizan, M., & Wan Idros, W. S. (214). Apa Hebatnya Program Transformasi Kerajaan. *Jurnal Komunikasi*, 30, 145–158.
- MAMPU. (2015). Rancangan Malaysia Kesebelas Bab 9: Mentransformasi Perkhidmatan Awam untuk Produktiviti.
- Mohamad Fauzi, H. H. (2001). Jenayah Rasuah di Agensi Penguatkuasaan Undang-undang di Malaysia: Satu Analisis Persepsi Pegawai Awam di Unit Pencegah Penyeludupan Negeri Kelantan.
- Mohamad Khadafi, H. R. (2015). *Prinsip Etika Kerja Islam Menurut Al-Quran dan AL-Sunnah: Satu Penilaian Terhadap Karya Penulis Etika Kerja Islam di Malaysia*. Tesis Phd, Universiti Utara Malaysia.
- Mohamad Tayib. (2004). *Pembiayaan Pihak Berkuasa Tempatan Di Semenanjung Malaysia*. In IFSALGAR (Institute for state and local government accounting research) (1st ed., pp. 1–144). Universiti Utara Malaysia.
- Mohd Hata, S. (2001). *Amalan Etika Kerja Dalam Perkhidmatan Awam Malaysia: Satu Kajian Ke atas Kementerian Belia Dan Sukan Malaysia*. Tesis Master, Universiti Utara Malaysia.
- Mohd Koharuddin, M. B. (2012). *Pembuatan dan Pematuhan Keputusan Etika Di kalangan Penjawat Awam Kerajaan Tempatan Negeri Johor*. tesis PhD, Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd Ribuan, C. O. (2004). *Amalan Etika Kerja dalam Perkhidmatan Awam Malaysia : Satu Kajian di Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi Malaysia*. Tesis Sarjana Sains (Pengurusan), Universiti Utara Malaysia.
- Mufti Selangor. (2000). *Etika Kerja Dalam Islam. Rencana Agama dan Khutbah Jumaat*. Retrieved from www.selangor.gov.my/suk/khutbah
- Muhammad Syafri. (2016). *Peranan Budaya Kualiti dan Kearifan Tempatan Sebagai Moderator ke atas Hubungan antara Faktor-faktor Individu dan Organisasi dengan Prestasi Pekerja*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Muhammad Tahir, N. (2009). *Institutional Dynamics of Governance and Corruption in Developing World : The Case of Pakistan*. Ruprecht- Karls- Universitat Heidelberg.
- Mustakim, Muhammad, Noh, Mohamed, Basir, Arni, S., Wan. (2016). Kajian Kes Pelaksanaan Etika Kerja Islam (EKI) di Johor Corporation (JCorp): Tumpuan kepada Pelaksanaan dan Faedahnya, 45(2015), 105–118.
- Nihayatur Rohmah. (2014). Relasi antara tindakan korupsi dengan etika dan akhlak. *Anti Corruption Ethics and Religiosity*.
- Noraida, H., Zaidi, H., & Noor Ashikin Hamid. (2013). Penipuan, Rasuah dan Pencurian Maklumat dalam Urusniaga Tanah: Cabaran dan Penyelesaian. *Kanun* 23, 1, 159–184.
- Normala A.Razak. (2009). *Kekuatan niat keusahawanan (entrepreneurs intention) pelatih industri automotif terhadap kerjaya usahawan era terkini*. Tesis Sarjana Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.

- Nur Syakiran Akmal, I., & Md Zawawi, A. B. (2004). Rasuah? Katakan Tidak, 3, 1–15.
- Pelletier, K. L., & Bligh, M. C. (2006). Rebounding from Corruption : Perceptions of Ethics Program Effectiveness in a Public Sector Organization. *Journal of Business Ethics*, 359–374. <http://doi.org/10.1007/s10551-006-9027-3>
- Powpaka, S. (2002). Factors Affecting Managers' Decision to Bribe : An Empirical Investigation. *Journal of Business Ethics*.
- Quinn, A. (2007). Chapter Three Technology and Journalism in the Market: Exposing Press Corruption by Comparison.
- Rabl, T., & Kuhlmann, T. M. (2009). Why or Why Not ? Rationalizing Corruption in Organizations. *Cross Cultural Management*, 16(3), 268–286. <http://doi.org/10.1108/13527600910977355>
- Rabl, T., & Kuhlmann, T. M. (2008). Understanding Corruption in Organizations – Development and Empirical Assessment of an Action Model, 477–495. <http://doi.org/10.1007/s10551-008-9898-6>
- Robbins. (2006). *Organizational Behavior. P.T Indeks, Indonesia* (10th ed.).
- Sarah Dina Mohd Adnan, & Mohd Adib Ismail. (2013). Impak Rasuah Kepada Pertumbuhan Ekonomi. *Prosiding Perkem VIII, Jilid 1, 1*, 246–253.
- SERU. (1991). National Seminar Towards a Developed and Industrialized Society: Understanding the Concept, Implications and Challenges of Vision 2020. In *Socio Economic Research Unit*.
- Shukri, B. (2011). *Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Kesedaran membentaras Jenayah Rasuah di Kalangan Pegawai Tentera Darat*. Tesis Sarjana Sains (Pengurusan), Universiti Utara Malaysia.
- Sihombing, S. O. (2003). Perluasan “Theory of Planned Behaviour” : Aplikasi pada Niat dan Perilaku Memilih Satu Merek”. *Empirika, Balai Penelitian Dan Pengembangan Ekonomi Fakultas Ekonomi UMS, Surakarta*.
- Siti Zalina, R. (2006). *Iklm Etika Kerja dan Tingkahlaku Etika Di Kalangan Kakitangan Perkhidmatan Awam Negeri Sembilan*. Tesis Sarjana, University Utara Malaysia.
- SPRM. (2014). Laporan Tahunan SPRM. Retrieved from www.spm.gov.my
- SPRM. (2015). *Nota Pencegahan Rasuah* (2nd ed.). Bahagian Pendidikan Masyarakat, SPRM.
- SUK Johor. (2003). Tatacara Pengawalan Anggota Penguatkuasa Pihak Berkuasa Tempatan Johor. *Pekeliling Am Kerajaan Johor Bil .3 Tahun 2003*.
- Suhardi, M. (2016). *Birokrasi Awam Pentadbiran Kabupaten Bintan Dan Penerapan Sumbangan Falsafah Budaya Melayu*. Tesis PHD, Universiti teknologi Malaysia.
- Syed Ahmad Semait. (1994). *Dosa-Dosa Besar*. Singapura: Pustaka Nasional PTE LTD.
- Syed Hussein Alatas. (1995). *Rasuah: sifat, sebab dan fungsi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Tengku Sarina Aini, T. K., & Fadillah, M. (2007). Keperluan Motivasi Dalam Pengurusan Kerja Berkualiti Dari Perspektif Pemikiran Islam. *Jurnal Usuluddin*, 25, 103–124.
- Trevino, L. ., Weaver, G. ., Gibson, D. ., & Tofler, B. . (1999). Managing Ethics and Legal Compliance: What Works and What Hurts.
- Zaharahanum Kamarudin. (2014). Rasuah: Kupasan Makna dan Persepsi. Retrieved from http://www.academia.edu/5689483/RASUAH_Kupasan_Makna_dan_Persepsi.
- Zey-Ferrell, Weaver, K. ., & Ferrel, O. C. (1979). Predicting Unethical Behavior Among Marketing Practitioners. *Human Relations*, 32, 557–569
- Zulfadli, A. (2011). *Tahap Kepuasan Pembayar Cukai Terhadap Perkhidmatan yang Disediakan oleh PBT*. Tesis Master, Universiti Teknologi Malaysia.